

03 AUG 1996

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat turut hadir.

Mesyuarat itu dijangka meneliti laporan dan rakaman video mengenai kejadian pergaduhan yang berlaku pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Beaufort di Sabah baru-baru ini.

Khamis lepas, Mohamed berkata beliau akan mengemukakan laporan itu pada mesyuarat kali ini bagi menentukan tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab. -- BERNAMA

SBJ MAI